

Sistem pendidikan negara perlu diubah



Dr Mahathir (tengah) bergambar bersama peserta Wacana Halatuju Sistem Pendidikan dan Pembelajaran Dalam Talian Negara 2021 PTTI pada Ahad.

Saranan Tun M supaya pelajar dilengkapi ilmu baharu yang memenuhi pasaran pekerjaan

Oleh **NURUL HUDA HUSAIN**
KUALA LUMPUR

Sistem pendidikan negara perlu segera diubah seiring dengan perubahan iklim dunia yang tertumpu kepada teknologi.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, langkah ini perlu dilaksanakan bagi memastikan setiap pelajar mampu dilengkapi dengan ilmu baharu yang lebih memenuhi pasaran pekerjaan.

“Saya berpendapat bahawa (sebelum ini) sistem pendidikan atau pelajaran hendaklah menyediakan pelajar yang berkebolehan (semata-mata) untuk masa depan mereka.

“Tetapi masa depan mereka (kini) berbeza daripada dahulu, umpamanya sekarang ini kita lebih perlu ilmu berkenaan komunikasi dan segala bidang elektronik sampai pada tahap di mana (ketika ini) kita boleh berhubung tanpa tali (melalui teknologi) di seluruh dunia.

“Jadi pelajaran hendaklah sesuai dengan iklim di sekeliling kita dan sebab itu sistem pelajaran perlu ditukar mengikut aliran masa. Apabila masa itu bertukar, maka sistem pelajaran juga perlu turut bertukar supaya sesuai menyediakan pelajar untuk masa depan mereka,” katanya dalam Wacana Halatuju Sistem Pendidikan dan Pembelajaran Dalam Talian Negara 2021 PTTI pada Ahad.

Tambahnya, kualiti pendidikan negara boleh dipertingkatkan jika kerajaan menumpukan penggunaan teknologi semasa secara menyeluruh.

“Kita sedar bahawa teknologi bergerak terlalu pantas. Hampir setiap hari kita perlu menerokai sesuatu yang baharu.

“Jadi kita perlu memastikan pelajar-pelajar kita didedahkan dengan penggunaan teknologi semasa tetapi dalam masa sama kita perlu pastikan mereka tidak salah guna teknologi pada masa ini untuk tujuan yang tidak sepatutnya,” jelasnya.

Sementara itu, dalam majlis sama, Dr Mahathir turut menyampaikan anugerah kepada pelajar cemerlang Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2021.

Seramai 335 pelajar cemerlang SPM 2021 diraikan PTTI dalam majlis berkenaan.